



**KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

ARAS 9, BLOK D7, KOMPLEKS D
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : +603 - 8886 4003
Faks : +603 - 8889 2033
E-mel : wan@isiam.gov.my
Laman Web : <http://www.islam.gov.my>



Ruj. Kami : JAKIM.BKP.100-21/1(53)
Tarikh : 23 Ogos 2010

**KENYATAAN MEDIA
Ketua Pengarah Jakim**

“Isu Doa Kepada Bukan Islam”

Saya ingin menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Mengenai persoalan umat Islam mendoakan kesejahteraan kepada orang bukan Islam, Jakim ingin merujuk pandangan ulama' seperti Imam Nawawi yang menyebut di dalam kitab al-Azkar bahawa harus bagi orang Islam mendoakan kepada orang kafir *zimmi* agar diberikan hidayah petunjuk, kesihatan badan dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, berdasarkan *masalah* umat Islam, Jakim berpandangan amalan bacaan doa tersebut mestilah dibuat pada tempat dan waktu yang bersesuaian agar tidak menimbulkan sebarang sensitiviti di kalangan umat Islam.

3. Merujuk kepada isu teks khutbah Jumaat yang tidak mendoakan Yang diPertuan Agong, Jakim berpandangan khatib yang bertugas hendaklah membaca teks khutbah Jumaat seperti yang telah disediakan oleh pihak berkuasa agama negeri yang mana lazimnya teks tersebut disediakan oleh panel teks khutbah dan diperakukan oleh pihak berkuasa agama negeri.

4. Tindakan mengubah mana-mana isi kandungan khutbah yang telah diperakukan oleh pihak berkuasa agama negeri adalah perlu dielakkan bagi mengelak sebarang implikasi buruk kepada masyarakat Islam.

5. Selain itu, tindakan meninggalkan doa kepada Yang di Pertuan Agong selaku Ketua Negara dan Raja-raja selaku ketua agama di negeri-negeri adalah tidak wajar kerana amalan mendoakan pemimpin Negara agar mendapat petunjuk Allah adalah suatu amalan yang mulia.

6. Dalam hal ini juga, Jakim ingin menyeru kepada semua pihak agar tidak terus menerus mempolitikkan institusi agama khususnya masjid yang sangat mulia di sisi Islam. Tindakan mempolitikkan institusi masjid akan memberikan kesan negatif contohnya menimbulkan perpecahan dan kegelisahan di kalangan umat.

7. Dalam menangani perkara ini, semua pihak diminta bertenang dan menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat dengan lebih terperinci bagi mengetahui perkara sebenar sebelum diambil sebarang tindakan.

8. Sukacita dipohon pihak media dapat memaklumkan perkara ini kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,



(DATO' WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABD AZIZ)